



06 JUN, 2024

Hari TVET negara tawar 100,000 peluang latihan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Hari TVET negara tawar 100,000 peluang latihan

KUALA LANGAT: Lebih 100,000 tempat disediakan untuk lepasan sekolah melanjutkan pengajian dalam Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sempena penganjuran Hari TVET negara selama dua hari di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat bermula hari ini.

Menurut Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara, Dr. Mohd. Faizal Tokeran, sebanyak 1,345 institut TVET di bawah 12 kementerian menyediakan kursus dalam bidang itu dari tahap satu hingga tertinggi.

"Kita mengalu-alukan kehadiran lepasan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) yang berhasrat melanjutkan pengajian berteraskan kemahiran," katanya ketika meninjau persedaan Hari TVET Negara 2024 yang bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di ILP Kuala Langat esok.

Jelasnya, beliau menyasarkan 15,000 pengunjung hadir pada pameran yang disertai institusi TVET dan pempamer dalam bidang aeroangkasa, kendaraan elektrik dan syarikat automatif.

Mengenai peluang pekerjaan, katanya, sebanyak 3,000 pekerjaan ditawarkan sepanjang dua hari pameran itu.



06 JUN, 2024

Hari TVET negara tawar 100,000 peluang latihan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LANGAT: Lebih 100,000 tempat disediakan untuk lepasan sekolah melanjutkan pengajian dalam Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sempena penganjuran Hari TVET negara selama dua hari di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat bermula hari ini. Menurut Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara, Dr. Mohd. Faizal Tokeran, sebanyak 1,345 institut TVET di bawah 12 kementerian menyediakan kursus dalam bidang itu dari tahap satu hingga tertinggi.